

Kekalkan warisan budaya

Bagi Kasing Singa, 60, juga dari Sarawak, pembabitannya awalnya menjahit manik pada baju tradisional secara sambilan sebagai pendapatan tambahan, kini dijadikan pekerjaan sepenuh masa.

Ditemui ketika menjahit manik pada baju tradisional masyarakat Lun Bawang, beliau berkata, busana itu lazimnya dipakai pada majlis keramaian dan keriaan.

"Ketika ini, paling banyak yang saya hasilkan ialah baju untuk persembahan aktiviti

kebudayaan yang dipakai pelajar sekolah.

Generasi sekarang kurang minat

"Ramai wanita di kampung masih menjahit manik pada pakaian. Bagaimanapun, saya lihat ramai generasi sekarang kurang berminat menceburi kemahiran menjahit manik. Bagi saya, selagi terdaya akan menghasilkannya untuk menambah pendapatan keluarga," katanya.

Beliau berharap kemahiran menjahit pakaian tradisional sulaman manik untuk masyarakat Lun Bawang iaitu pakaian tradisional Orang Ulu dan Iban, tidak seharusnya tenggelam begitu saja, sebaliknya terus dikekalkan.

"Keunikan setiap sulaman manik pada pakaian tradisional ini melambangkan identiti etnik tertentu di Sarawak. Bidang ini mampu menjana pendapatan lumayan dan menyeronokkan," katanya.



Ketua Pengarah Jabatan Muzium, Datuk Ibrahim Ismail (dua dari kanan) **melihat manik** yang dihasilkan Kasing pada pameran manik sempena Karnival Bersama Muzium 2014 di Muzium Negara, baru-baru ini.

“Saya lihat ramai generasi sekarang kurang berminat menceburi kemahiran menjahit manik. **Bagi saya, selagi terdaya akan menghasilkannya”**

Kasing Singa,
Pengusaha manik